

**Muhyiddin, Mukhriz boleh sertai kempen Bersih
Free Malaysia Today
Jun 25, 2016
Tarrence Tan**

Mereka haruslah terima agenda gerakan, iaitu reformasi institusi dan demokratik sistem Negara

PETALING JAYA: Pemberontak Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir boleh menyertai kempen pemantau pilihan raya Bersih 2.0, sekiranya mereka bersetuju dengan agenda gerakan itu.

Pengerusinya, Maria Chin Abdullah membuka pintu itu susulan pemecatan Muhyiddin dan Mukhriz hari ini.

“Saya tak tahulah sekiranya mereka mahu sertai Bersih, tetapi pendirian Bersih sentiasa mereka harus terima agenda reformasi kita,” katanya kepada pemberita di majlis berbuka puasa Bersih 2.0 malam tadi.

Prinsip yang Maria maksudkan adalah reformasi insituti dan reformasi demokratik sistem negara.

Beliau mengingatkan Tun Dr Mahathir Mohamad tidak dibenarkan berucap di platform tunjuk perasaan Bersih 4.0 tahun lalu kerana bekas perdana menteri itu tidak bersetuju dengan agenda mereka.

“Jika kamu masih ingat Bersih 4.0, Mahathir tidak diberi platform untuk berucap kerana beliau tidak bersetuju dengan agenda reformasi kita pada ketika itu.

“Sesiapa pun yang dijemput berucap atas platform Bersih, mereka perlu bersetuju dengan prinsip reformasi institusi dan reformasi demokratik, jika tidak sia-sia sahaja.”

Dalam sidang media di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), presiden parti Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pemecatan Muhyiddin dan Mukhriz kerana melanggar disiplin parti, antaranya bekerjasama dengan pembangkang.

Naib Presiden Datuk Seri Shafie Apdal digantung sehingga jawatankuasa disiplin selesaikan siasatan terhadapnya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/25/muhyiddin-mukhriz-boleh-sertai-kempen-bersih/>